



# Pendakwah bebas Tokoh Maulidur Rasul Pahang

Ainal Marhaton Abd Ghani - Oktober 9, 2022 @ 3:24pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Pendakwah bebas, Zul Ramli Mohamad Ghazali, 56, diumumkan Tokoh Maulidur Rasul Pahang pada majlis sambutan berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini, hari ini.

Pengerusi Dewan Dakwah Majlis Dakwah Negara itu menerima wang tunai RM10,000, plak dan sijil penghargaan, manakala penerima Anugerah Ummah, Cik Wan Hilmy Wan Mohamed, 44, pula menerima RM5,000, plak dan sijil penghargaan.

Penyampaian anugerah sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022M peringkat negeri disempurnakan oleh Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ketika ditemui kemudian, Zul Ramli berterima kasih kepada semua pihak dan kerajaan negeri, terutama Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail atas pengiktirafan amat tinggi baginya itu dalam tempoh lebih 30 tahun menjadi pendakwah.

"Saya berjanji pada diri supaya terus berjuang untuk agama dan mengikhlaskan hati seperti Nabi Muhammad SAW yang berjuang menegakkan agama Islam sehingga ke akhir hayat Baginda," katanya.

Sementara itu, Cik Wan Hilmy yang juga Pengetua Madrasah An Nabawiyah (Lil Banin) di Pulau Tawar, Jerantut, bersyukur dan berterima kasih dipilih memenangi anugerah berkenaan yang dilihat sebagai satu cabaran untuknya terus memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

"Anugerah ini pemangkin kepada saya terus mempergiatkan lagi usaha dakwah kepada seluruh masyarakat yang memerlukan," katanya yang pernah menganjurkan satu program di Pulau Perhentian, Terengganu membabitkan 700 belia bermasalah.

Majlis sambutan diserikan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Far East, selawat oleh Syeikh Mustafa Sirya, Syeikh Dhiya' Sirya dan Kumpulan Mursyidul Hadi, selain Ribat Mustafa dan ceramah Maulidur Rasul oleh Wan Hilmy.

Sementara itu, seramai 1,200 peserta mewakili 32 kontinjen mengambil bahagian dalam perarakan bermula dari Taman Gelora ke Dewan Jubli sejauh 3.5 kilometer.

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) berjaya menduduki tempat pertama pertandingan sepanduk dan perarakan bagi kategori jabatan kerajaan, swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan dan masjid.

Kuliah Al-Lughnah Waddin As-Sultan Abu Bakar dari Pekan pula muncul johan kategori sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT). Pemenang membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala iringan, piala pusingan dan sijil penghargaan.



Zul Ramli Mohamad Ghazali, 56, menerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul Pahang. - NSTP/Ainal Marhaton Abd Gha